

PUSTAKA

Buletin PNM

Bil. 1/2024



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

JANUARI - APRIL 2024

ISSN : 0128-8679



©Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara Perpustakaan Negara Malaysia 2024. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Terbitan:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

+603-2687 1700

webmaster@pnm.gov.my

PerpustakaanNegaraMalaysia

PNM_Rasmi

pnm_rasmi

pnmytube

PNMRasmi

pnmsaluransosial2

Perpustakaan Negara Malaysia
Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia,
-1985 -.

- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara
Malaysia, 1985 - .Tahunan
ISSN 0128-8679

1.Libraries, National --Malaysia.

2.Corporation reports.

Sidang Redaksi PUSTAKA Buletin PNM

Penaung

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Editor

Puan Suhaila binti Abd Rahman

Editor

Encik Charles bin Brilee

Koordinator Penerbitan

Puan Noor Marfazila binti Mohd Fahmy
Puan Nur Amalina binti Mohamad

Penolong Koordinator Penerbitan

Puan Nur Amirah binti Anuar
Encik Ahmad Zaki bin Zakaria

KANDUNGAN

Lawatan Ke PNM:

• Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh, Johor	7
• Weststar Aviation Services Sdn. Bhd.	7
• Program Pendidikan Khas Integrasi SK Sentul Utama	8
• Pusat latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Timur	8
• Kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat	
• Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN)	9

Riang Ria Cuti Sekolah Feb - Mac 2024	10
---------------------------------------	-----------

Pasukan Pelambai (Istiadat Keberangkatan Balik Sempena Tamat Tempoh	12
---	-----------

Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI)

Pasukan Pelambai (Istiadat Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVII)	14
--	-----------

Gaya Hidup Sihat@PNM	17
----------------------	-----------

Kunjungan Hormat:

• Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP)	18
• Kedutaan Republik Islam Iran	18
• Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri, KPN	19

Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Mercu Tanda Penduduk Daerah	21
--	-----------

Matunggong Kudat, Sabah.

Pelaksanaan Taklimat Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)	24
--	-----------

MS ISO 9001:2015

Program Madani Rakyat 2024 (Zon Tengah)	27
---	-----------

Aktiviti Semarak Jawi di Perpustakaan SPRM	29
--	-----------

Program Bicara Harvard 2024: Pendidikan Kalis Masa Depan	31
--	-----------

Mesyuarat Program Membaca Kebangsaan Bil. 1/2024	32
--	-----------

Pertandingan Swafoto Baca	33
---------------------------	-----------

Lawatan Penandaarasan UMT	34
---------------------------	-----------

Sesi Bergambar Hari Raya Aidilfitri & Rakaman Takbir Raya	35
---	-----------

Program Semarak Iqra'2024	36
---------------------------	-----------

Program Jom Baca Bersama 10 Minit	37
-----------------------------------	-----------

Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya, Presint 9(2)

Bual Bicara "Hari Buku Sedunia"	41
---------------------------------	-----------

Bacaan Kegemaran Saya (BKS) di Sekolah Kebangsaan Klang Gate, Selangor	42
--	-----------



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SELAMAT TAHUN BAHARU 2024

Ikhlas daripada:

Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Pengarah
dan seluruh warga
Perpustakaan Negara Malaysia





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



“Berdamailah
dengan masa lalu, kerana yang
sudah berlalu tidak mungkin
dapat diubah. *Jalani hidup*
hari ini dengan cara yang
terbaik, supaya mampu
mencipta masa depan
yang lebih indah.”

SUMBER: UBAH PATAH HATI JADI PRESTASI
(CETAKAN PERTAMA 2021)



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)



[PNM_Rasmi](#)



[pnm_rasmi](#)



[pnmytube](#)



[PNMrasmi](#)



[pnmsaluranSosial2](#)



[pnm_rasmi](#)





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



ENCIK AHMAD ZAKI BIN ZAKARIA

Tahniah

**PETUGAS KAUNTER
CEMERLANG PNM**

Oktober - Disember 2023



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)



[PNM_Rasmi](#)



[pnm_rasmi](#)



[pnmyoutube](#)



[PNMrasmi](#)



[pnmsaluran sosial 2](#)



[pnm_rasmi](#)



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PUAN FAIZAH BINTI MUSTAFFA

Tahniah

**PETUGAS KAUNTER
CEMERLANG PNM**

Oktober - Disember 2023



Lawatan ke PNM

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh, Johor

Seramai 63 orang pelajar bersama seorang Pensyarah Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh, Johor telah mengadakan lawatan sambil belajar ke PNM pada 4 Januari 2024 (Khamis). Pelajar-pelajar telah di bawa ke Aras 11, Pusat Manuskrip Melayu (PKMM) dan Aras 10, Koleksi Nadir dan Peribadi untuk melihat sendiri koleksi khas PNM.

Satu taklimat ringkas mengenai koleksi manuskrip Melayu serta Koleksi Nadir dan Peribadi turut diberikan kepada rombongan pelajar.



Weststar Aviation Services Sdn. Bhd



PNM telah menerima lawatan dari Weststar Aviation Services Sdn. Bhd yang membawa empat (4) orang wakil dari Timor-Leste. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan penerangan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh PNM dan juga mendapatkan gambaran beserta idea awal untuk pembinaan perpustakaan di Timor-Leste.

Delegasi lawatan ini telah dibawa ke Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) - Koleksi Nadir dan Peribadi serta perkhidmatan Mikrofilem. Delegasi turut mencuba menggunakan perkhidmatan mikrofilem yang disediakan di Aras 6, Menara PNM. Mereka turut dibawa ke Perpustakaan Kanak-Kanak, PNM untuk mendapatkan maklumat dan penerangan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bahagian Pinjaman, PNM.

Program Pendidikan Khas Integrasi SK Sentul Utama



Pada 18 Januari 2024 (Khamis), seramai 15 orang murid, empat (4) orang guru dan seorang pembantu pengurusan murid telah mengadakan lawatan ke PNM di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi SK Sentul Utama. Pelbagai aktiviti diadakan untuk menghiburkan murid-murid pendidikan khas. Antaranya ialah:

- Pergerakan mengikut rentak lagu
- Permainan Lego
- Sesi Bercerita Bersama Kak Eli "The Greedy Dog"
- Lets Move with "Chicken Dance"

Pusat latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Timur

Pegawai Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Timur telah mengadakan lawatan ke PNM pada 31 Januari 2024 (Rabu). Seramai 15 orang wakil PLPP telah diberi taklimat mengenai perkhidmatan digital termasuk u-Pustaka oleh Pegawai dari Bahagian Kandungan Digital, PNM.

Pihak PLPP turut dibawa melawat ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) bagi melihat manuskrip Melayu dan koleksi Nadir dan Peribadi yang terdapat dalam koleksi PNM.



Kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat



Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima lawatan daripada seramai 26 orang kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya pada hari Selasa, 20 Februari 2024.

Lawatan ini yang diketuai oleh Encik Mohamed Mumtazali bin Abdul Rahim, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya telah dibawa ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Koleksi Peribadi dan Koleksi Khas, Bahagian Pemuliharaan dan Bahagian Pinjaman.

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN)



Pada 29 April 2024 (Isnin), YBhg. Datin Roszita binti Imaduddin, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama delegasi PUSPANITA Cawangan KPN telah mengadakan lawatan kerja ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Antara pengisian program adalah lawatan ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), sesi demonstrasi buku, sesi bercerita bersama anak-anak Taska PNM dan Bengkel "Corporate Grooming" dengan kerjasama Syarikat SLAE Cosmetics.



Riang Ria Cuti Sekolah Feb - Mac 2024

Riang Ria Cuti Sekolah ialah program interaktif kanak-kanak yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia semasa cuti sekolah Februari - Mac di Perpustakaan Kanak-kanak PNM.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

1. Membuat Topeng Muka (13/2/2024)
2. Jom Belajar Matematik (14/2/2024)
3. Lakaran Kreatif (15/2/2024)
4. Jom Buat Kipas (20/2/2024)
5. Teknik Pembenihan Awan (21/2/2024)
6. Penanda Buku Origami (22/2/2024)
7. Seni Telur (27/2/2024)
8. Bercerita Bersama Cikgu Zuhairah (28/2/2024)
9. DIY Zirafah (29/2/2024)
10. DIY Kincir Angin (5/2/2024)
11. Mencipta Gajah (6/2/2024)
12. Ulat Bulu Comel (7/2/2024)



DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Menjunjung Kasih



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**
dan

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUNKU AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI
ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ**
sempena

**Tamat Tempoh Pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku
Sebagai Yang di-Pertuan Agong XVI
31 Januari 2019 - 30 Januari 2024**

sembah takzim daripada:
Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
dan seluruh warga Perpustakaan Negara Malaysia

Pasukan Pelambai (Istiadat Keberangkatan Balik Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI)

Seramai 40 orang warga PNM telah menyertai Pasukan Pelambai bagi Istiadat Keberangkatan Balik Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI pada 30 Januari 2024 (Selasa) di Jalan Parlimen menghala ke bulatan Dato' Onn, Kuala Lumpur.

Merafak Sembah Menjunjung Kasih KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

**Dirgahayu Tuanku
Daulat Tuanku
Menjunjung Kasih Tuanku**





DAULAT TUANKU

MERAFAK SEMBAH UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR**

&

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG,
RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH**

31 JANUARI 2024 (19 REJAB 1445H)

Sembah Takzim Daripada:

Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Pengarah

dan seluruh warga Perpustakaan Negara Malaysia

Pasukan Pelambai (Istiadat Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVII)

Warga Kementerian Perpaduan Negara yang terdiri daripada wakil PNM, JPNIN, ANM dan JMM telah menyertai Pasukan Pelambai Penjawat Awam bagi Istiadat Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVII pada 31 Januari 2024 (Rabu)

Semua pasukan pelambai berasa gembira dan teruja menyambut Keberangkatan Tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVII Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Agong di Susur Keluar dari Pangkalan Udara TUDM Subang.

**Dirgahayu Tuanku
Daulat Tuanku
Menjunjung Kasih Tuanku**





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Selamat Menyambut Hari Wilayah 1 FEBRUARI 2024

Ikhlas daripada:

Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Pengarah
dan seluruh warga
Perpustakaan Negara Malaysia



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)



[PNM_Rasmi](#)



[pnm_rasmi](#)



[pnmytube](#)



[PNMrasmi](#)



[pnmsaluransosial2](#)



[pnm_rasmi](#)



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA



HARI INI DALAM SEJARAH
هاري اين دالم سجاره



1 FEBRUARI 1974



KDYMM Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Agong (kiri) dan DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, Sultan Selangor menandatangani Perjanjian Kuala Lumpur, Istana Negara, Kuala Lumpur.



Arkib TV



www.arkib.gov.my



Portal HIDS




Gaya Hidup Sihat@PNM



Sesi Pemilihan Pemain Badminton PUSPANITA KPN anjuran Biro Sukan dan Rekreasi PUSPANITA KPN dengan kerjasama Biro Sukan PUSPANITA PNM yang telah diadakan pada 5 Februari 2024 (Isnin), 2.00 - 5.45 petang di Gelanggang Badminton, PNM.

Enam (6) orang pemain terbaik dipilih untuk mewakili PUSPANITA KPN ke Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA 2024 - Kejohanan Badminton Piala Yang DiPertua PUSPANITA yang akan diadakan pada 23-24 Februari 2024 (Jumaat-Sabtu) di Uptown Sports, Jalan Angsana, Bandar Baru Bangi.

Ketua Biro Sukan dan Rekreasi PUSPANITA KPN, iaitu Puan Suhaila Abd Rahman turut hadir menyampaikan hadiah kepada juara bagi pemilihan badminton.



Kunjungan Hormat

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP)

Pada 2 Februari 2024, Jumaat, YBr. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (DBP) seramai 12 orang pegawai yang diketuai oleh YBr. Dr. Hazami bin Jahari, Ketua Pengarah DBP.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Pelaksanaan Dekad Membaca Kebangsaan;
- (b) Pembudayaan Tulisan Jawi;
- (c) Perolehan Dana Penulis; dan
- (d) Cadangan Program Kerjasama dengan DBP.



Kedutaan Republik Islam Iran

Pada 9 Februari 2024, Jumaat, Puan Suhaila binti Abd Rahman, Pengarah Perkhidmatan Korporat telah mewakili Ketua Pengarah PNM untuk menerima Kunjungan Hormat daripada Kedutaan Republik Islam Iran yang diketuai oleh YBr. Dr. Habebreza Arzani, *Cultural Counsellor, Iran Culture Centre, Embassy of the Islamic Republic of Iran*. Turut hadir bersama Puan Sharifah Asruha binti Syed Ahmad, *Cultural Officer, Iran Culture Centre, Embassy of the Islamic Republic of Iran*. Kunjungan hormat berakhir dengan sesi lawatan ke pameran manuskrip di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM).

Kunjungan hormat ini adalah bertujuan untuk menyampaikan sumbangan buku sebanyak 45 buah buku yang melibatkan 10 judul dan membincangkan peluang-peluang kerjasama yang boleh diterokai serta mengeratkan hubungan dua hala yang telah sedia terjalin antara Kedutaan Republik Islam Iran dan PNM.



Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri, KPN



Pada 1 Mac 2024, Jumaat, YB Puan Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan kerja dan menyampaikan amanat kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM telah menyantuni lawatan kerja ini yang bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas berkenaan fungsi dan peranan serta perkembangan dan pengoperasian terkini PNM.

Rombongan YB Senator juga turut dibawa melawat Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu untuk melihat pameran bertema mengenai Daftar Warisan Dunia atau UNESCO *Memory of the World* (MoW) Register, Sesi Demonstrasi Dr. Buku dan Pameran Koleksi Khas/Nadir/Malaysiana.

Turut hadir bersama semasa lawatan kerja ini pegawai daripada Pejabat Timbalan Menteri Perpaduan Negara.





Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Mercu Tanda Penduduk Daerah Matunggong, Kudat Sabah

KUDAT 17 Februari 2024

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan perasmian Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Matunggong, Kudat, Sabah.

Bangunan baharu Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Matunggong, Kudat, Sabah dengan keluasan 1,000 kaki persegi (kps) telah menjadi mercu tanda penduduk Daerah Matunggong, Kudat, Sabah dengan mempunyai kemudahan bahan bacaan, komputer dan perkhidmatan Wi-Fi secara percuma kepada penduduk setempat mulai Februari 2022.



YB Datuk Aaron Ago Dagang, dalam ucapannya berkata

“Perpustakaan merupakan salah satu pusat pertemuan komuniti setempat. Komitmen untuk menyediakan fasiliti perpustakaan seperti Perpustakaan Desa (PD) di seluruh negara dan menjadikannya sebagai pemangkin perpaduan turut menjadi antara agenda Kementerian Perpaduan Negara” .

Tambah beliau, “Bagi KPN akan melaksanakan kempen membaca (#bacasamasama) sepanjang tahun bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara program yang telah dirancang ialah Jom Baca 10 Minit, Karnival Baca Perdana, Bacaan Kegemaran Saya, Hari Buku Sedunia, Kembara Ilmu, Anugerah Buku”.





Perpustakaan desa juga berperanan sebagai pusat maklumat berorientasikan sumber teknologi maklumat terkini yang mampu menjadi pemangkin kepada pengetahuan penduduk di samping menjadi nadi tulang belakang kepada pembangunan sosio ekonomi penduduk setempat melalui bantuan sokongan seperti latihan eUsahawan yang turut diadakan pada hari ini. Program Klik eUsahawan akan dilaksanakan di 10 lokasi seluruh negara dengan pihak Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

YB Datuk Aaron juga mengumumkan bahawa Kementerian akan mengambil pendekatan "Merakyatkan Perpustakaan" sebagai satu modus openrasi baharu bagi meningkatkan peranan perpustakaan dalam membentuk masyarakat Malaysia MADANI.

Seramai 500 orang pengunjung terdiri daripada wakil-wakil daripada agensi KPN di Sabah, kakitangan kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta pelajar telah menyertai pelbagai aktiviti galakan membaca yang diadakan sempena majlis ini berlangsung. Antara aktiviti menarik seperti permainan tradisional dan sukan rakyat, aktiviti mengecat semula bangunan Balai Raya Kampung Kumbatang, bengkel eUsahawan, sesi demonstrasi dan pameran serta jualan produk tempatan.

Selain itu, KPN akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi mewujudkan *Airport Library* di kesemua lapangan terbang di negara ini bermula tahun ini dengan menjadikan *Armsterdam Airport Schiphol Library* sebagai penanda aras dalam meningkatkan aktiviti galakan membaca.





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Setinggi-tinggi ucapan

Tahniah

**YBRS. PUAN ANISATUL-WAHIDAH BINTI
ABDUL WAHID**


Pengarah
Perpustakaan Digital Negara (PERDANA)
Perpustakaan Negara Malaysia

Atas penganugerahan pingat
Ahli Mangku Negara (A.M.N.)

Sempena
**Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran,
Bintang dan Pingat Persekutuan**

19 Disember 2023

Ikhlas daripada
Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
dan Seluruh Warga
Perpustakaan Negara Malaysia



Pelaksanaan Taklimat Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015



Sekitar pelaksanaan Taklimat Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang telah dilaksanakan pada 16 Februari 2024 (Jumaat) di Ruang Perkhidmatan Malaysiana Aras 10, Menara PNM.



Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Anisatul Wahidah binti Abdul Wahid, Pengarah Perpustakaan Digital Negara (PERDANA) selaku Timbalan Wakil Pengurusan bagi meningkatkan pemahaman mengenai SPK dalam kalangan warga PNM.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kata Hikmah

Jawi Siri 2/2024

مريک يڄ برجاي ممقوپاء ي گمبرن اخير ايمقين ترسبوت
ترجادي. مريک ممولاکن سسواتو فروجیک دغن برايماکيناسي
حاصيل اخيرث.



www.pnm.gov.my

PerpustakaanNegaraMalaysia

PNM_Rasmi

pnm_rasmi

pnmytube

PNMRasmi

pnmsaluransosial2

pnm_rasmi



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Koleksi Manuskrip Melayu

Kifayah al-muhtaj fi al-isra' wa al-mi'raj
MSS 484



Disalin oleh Wan Abdul Rahman ibn Almarhum Wan Abdul Ghafur Patani pada 5 Rabiulakhir 1291H [22 Mei 1874M] di Mekah. Karya asal ditaswid oleh Sheikh Daud bin Abdullah Patani pada hari Selasa, 27 Muharam 1224H [14 Mac 1809M] di Mekah. Hiasan berbentuk kubah yang dilukis dengan lukisan lingkaran daun dan bunga berwarna kuning, merah dan biru di muka surat awal.

Rujukan:

Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas, 1987



www.pnm.gov.my



PerpustakaanNegaraMalaysia



PNM_Rasmi



pnm_rasmi



pnmytube



PNMrasmi



pnmsaluransosial2



pnm_rasmi



Program Madani Rakyat 2024 (Zon Tengah)

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyertai Program Madani Rakyat 2024 (Zon Tengah) yang berlangsung selama 3 hari. PNM berada di Reruai Kementerian Perpaduan Negara (K-03). Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk semua pengunjung tidak mengira usia dan bangsa.

📅 23-25 Februari 2024

🕒 9.00am - 6.00pm

📍 Kompleks Sukan, Kuala Selangor





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PESAN BONDA

MANUSIA DI SEKELILING KITA
DATANG DAN PERGI
NAMUN
KELUARGA SENTIASA DI SISI.



www.pnm.gov.my



Perpustakaan Negara Malaysia



PNM_Rasmi



pnm_rasmi



pnmytube



PNMRasmi



pnmsaluran sosial2



pnm_rasmi





Aktiviti Semarak Jawi di Perpustakaan SPRM

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diundang untuk mengadakan aktiviti Semarak Jawi yang dikendalikan oleh Bahagian Literasi Maklumat (BGLM). Program ini diadakan sempena cuti sekolah dan disertai oleh anak-anak kakitangan SPRM.

 29 Februari 2024

 9.00am - 12.00pm

 Perpustakaan Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LITERASI MAKLUMAT (LM)


Literasi Maklumat adalah satu keupayaan bagi memperkasa individu untuk mengenal pasti, menilai, mengurus, mencipta dan menyebarkan maklumat yang diperlukan dalam pelbagai medium dan format secara beretika untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat.



Program Bicara Harvard 2024: Pendidikan Kalis Masa Depan

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan Program Bicara Harvard 2024 yang dilaksanakan secara hibrid di Aras 10, Menara PNM dan bersiaran langsung menerusi PNM TV Channel.

PNM telah mengundang YBrs. Dr. Nor Fadzleen binti Sa'don, Pensyarah Akademik di Jabatan Bahasa dan Teknologi, English Language Teaching Centre (ELTC), Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah berkongsi dengan khalayak mengenai topik



“Pendidikan Kalis Masa Depan”. Selain itu beliau turut berkongsi pengalaman beliau mengenai budaya ilmu dan pendidikan di Harvard yang boleh diterapkan dalam budaya ilmu di Malaysia.

Program Bicara Harvard merupakan salah satu program ilmiah anjuran PNM yang bertujuan berkongsi maklumat, kepakaran dan pengalaman alumni Universiti Harvard dengan masyarakat.



Untuk rekod, PNM sebagai pusat kecemerlangan sumber maklumat negara yang menyokong pembelajaran sepanjang hayat telah bersama dengan Kelab Alumni Harvard dan membangunkan sudut Harvard pada 5 Julai 2000 yang terdiri daripada buku-buku rujukan, koleksi terbitan *Harvard* iaitu *Harvard University Press* dan *Harvard Business School Press*. Sehingga kini sebanyak 2,308 naskah yang telah tersedia di PNM untuk rujukan masyarakat.

PNM berharap dengan penganjuran program sebegini dapat memberi impak positif dalam percambahan ilmu pengetahuan masyarakat dan menyerlahkan peranan PNM sebagai entiti peneraju keilmuan selain menyokong usaha menyatupadukan masyarakat melalui budaya membaca ke arah membangunkan negara madani.

Mesyuarat Program Membaca Kebangsaan

Bil. 1/2024



Mesyuarat Program Membaca Kebangsaan Bil.1/2024 telah diadakan pada 7 Mac 2024 (Khamis), 2.30 petang yang bertempat di Hotel Silka Maytower, Kuala Lumpur dan dipengerusikan oleh YBrs. Puan Ketua Pengarah PNM.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengarah-pengarah dan wakil pengarah PAN serta Ketua Pustakawan Perpustakaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Perpustakaan Kuala Lumpur dan Perpustakaan Perbadanan Labuan.

Tujuan utama mesyuarat ini diadakan adalah untuk menyelaraskan dan membincangkan semua program galakan membaca peringkat kebangsaan termasuklah pelantikan ikon pembaca 2024.



Mesyuarat ini telah berjalan lancar dengan perkongsian, pandangan dan idea ke arah pemantapan Program Galakan Membaca. Di samping itu, dapat merealisasikan SDG (Sustainable Development Goal) 4 - Pendidikan Berkualiti atau dikenali Matlamat Pembangunan Mampan 4.



SYARAT PENYERTAAN

1. Swafoto bersama buku kegemaran anda
2. Hasilkan swafoto berlatarbelakang tema buku (Lihat contoh poster)
3. Pastikan swafoto dan buku tidak menyentuh sensitiviti agama, bangsa, negara dan tiada unsur seksual.
4. Pemenang dipilih berdasarkan swafoto yang kreatif dan slogan yang menarik.
5. Keputusan Juri adalah Muktamat.

CARA MENYERTAI

1. Muat naik swafoto anda diruang komen Pertandingan Swafoto Baca berserta dengan maklumat berikut:
 - Nama dan emel anda.
 - Gunakan # berikut:
#Bangsamembacabangsaberjaya
#Bacasamasama
2. Lengkapkan slogan :
Saya suka membaca kerana
(tidak melebihi 10 patah perkataan)

HADIAH
10 PEMENANG AKAN MEMENANGI
HADIAH DAN CENDERAMATA
MENARIK




TARIKH PERTANDINGAN
13 - 29 FEBRUARI 2024



Pertandingan Swafoto Baca

Tahniah kepada semua pemenang Pertandingan Swafoto Baca yang telah diadakan pada 13-29 Februari 2024.



Tahniah!

10 PEMENANG PERTANDINGAN SWAFOTO BACA



**LUKMAN HAKIM BIN
MHD SHAFIE**

lukmanheshem@gmail.com

"Saya suka membaca kerana ia merangsang imaginasi serta pencetus revolusi kerjaya idaman".



**AHMAD FAISAL BIN
ABDULLAH**

ah.faisal69@gmail.com

Saya suka membaca kerana buku memberi inspirasi, ilmu tersemat untuk perbaiki diri, demi membina jati diri dan memperelokkan budi pekerti.



**MUHAMMAD AFNAN
HASIM**

afnan@ikma.edu.my

Saya suka membaca kerana, buku umpama teman akrab dan memberi ilham sewaktu dilanda kekusutan.



**NURUL AUNI BINTI
MAHADI**

nurulauni1232@gmail.com

Saya suka membaca kerana ia akan memberikan lebih banyak ilmu dan dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.



**MUHAMMAD WAIDZ
AIDAN BIN AB HALIM**

g-74369071@moe-dl.edu.my

Saya suka membaca kerana membaca membuka mata, mengajar ilmu berharga disamping memperkaya jiwa.



**MUHAMMAD ADIB ZULFI
BIN SHAMSUDIN**

adibzulfi2005@gmail.com

"saya suka membaca kerana ia memperkaya khazanah ilmu dan menawarkan pandangan baharu".



NUR AILEEN Wafa

wannurafifahwj@gmail.com

Saya suka membaca kerana ia bukan sekadar hobi bahkan jendela yang membuka dunia yang luas tanpa batasan.



**MUHAMMAD DANISH
BIN SANI**

danishsani@icloud.com

Saya suka membaca kerana ia memperkaya pemahaman juga penggerak jiwa cintakan ilmu.



**HARSHINEE A/P
PARAMASIVAM**

m-9911531@moe-dl.edu.my

Saya suka membaca kerana membaca buku-buku yang baik bererti memberi makanan rohani yang baik.



**MUHAMMAD HAZIM
BIN HUSSIN**

Koden_04@yahoo.com

Saya suka membaca kerana budaya ilmu melontarkan cetusan idea mapan.



Lawatan Penandaarasan UMT

YBrs. Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM telah mempengerusikan Lawatan Penandaarasan oleh UMT - Universiti Malaysia Terengganu, yang diketuai oleh YBrs. Profesor Madya Dr. Liew Hon Jung, Pensyarah HiCoe Akuatrop Umt/ Editor Planetary Sustainability Journal. Lawatan ini telah diadakan pada 21 Mac 2024 (Khamis)

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membincangkan mengenai kaedah pengurusan penerbitan di PNM. Di samping itu, PNM juga berkongsi pengalaman dalam mengurus selia serta melaksanakan perkhidmatan Sistem Literasi Media dan Maklumat (eLMM), Perpustakaan Digital (u-Pustaka), Dana Penulis termasuk Perkhidmatan kepada Penerbit (PKP), Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) dan Pinjaman Kelompok.

Delegasi turut dibawa melawat ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Demonstrasi Dr. Buku di Bahagian Pemuliharaan, Bilik Stek Pusat Rujukan Malaysiana, Perkhidmatan Sumber Elektronik, Bahagian Pinjaman, Bahagian Kandungan Digital dan Perkhidmatan Rujukan Luar Negara.





Sesi Bergambar Hari Raya Aidilfitri & Rakaman Takbir Raya





Program Semarak Iqra' 2024

"Tadabur Al-Quran Surah Al Jumu'ah"



Program Semarak Iqra' Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan pada 4 April 2024 (Khamis) bersempena sambutan #WORLD #QuranHour. Program ini adalah anjuran Kelab PNM dan PUSPANITA cawangan PNM.

Antara pengisian Semarak Iqra' adalah:

- Tadabur Al-Quran Surah Al Jumu'ah disampaikan oleh Personaliti Dakwah iaitu, Ustaz Haji Mohammad Rozie bin Mohd Rejab.
- Ceramah Agama Santapan Rohani: Rahsia Perkahwinan dan Keberkatan Rumah Tangga oleh Mejar Dr. Haji Muhammad Syukri bin Haji Zahari Al-Hafiz.
- Khatam Al-Quran Encik Mohamad Hafazah bin Mohd. Azraai





Program Jom Baca Bersama 10 Minit Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya, Presint 9(2)

Pada 23 April 2024 bersamaan hari Selasa, PNM telah mengadakan program “Jom Baca Bersama 10 Minit” dengan kolaborasi bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya, Presint 9(2) dengan penyertaan seramai 692 orang. Tema pada tahun ini adalah “Pembacaan Melestarikan Perpaduan”. Pelbagai pengisian aktiviti yang menarik termasuklah resensi buku, sesi bersama tokoh, persembahan boneka, sesi bercerita, pertandingan inovasi dan pertandingan teka judul buku telah diadakan.

Program ini merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun



untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan hak cipta tempatan. Program yang bermula pada tahun 2014 ini telah berjaya mendapat penyertaan sebanyak 34 juta orang sehingga tahun 2023. Para peserta terdiri daripada pelbagai sektor seperti perpustakaan, agensi kerajaan, agensi swasta, institut pengajian tinggi, sekolah dan badan bukan kerajaan (NGO). Kempen membaca seperti Program “Jom Baca Bersama 10 Minit” ini mampu memerangai buta huruf, menghadapi cabaran global yang berterusan, memperkasa individu dengan amalan membaca dan seterusnya menyokong

pembelajaran sepanjang hayat. Impak daripada kempen ini melangkaui individu yang membaca. Komuniti membaca akan berkembang maju menyumbang kepada masyarakat berpengetahuan, empati dan bersatu padu. Tabiat membaca, juga memupuk pemikir kritis, pelajar sepanjang hayat, dan individu yang berpotensi untuk membentuk masa depan yang lebih cerah.



Antara objektif program Jom Baca Bersama 10 Minit 2024 adalah untuk menjadikan amalan membaca sebagai amalan seharian yang penting dalam membantu pembangunan insan, memupuk rasa cintakan ilmu dan sentiasa meningkatkan pengetahuan yang maksimum menerusi pembacaan pelbagai genre bahan-bahan bacaan, menyatu padukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan latar belakang melalui program pembacaan dan memberi inspirasi kepada golongan muda supaya menjadikan amalan membaca sebagai satu hobi untuk kelebihan di masa hadapan kelak.



Program Jom Baca Bersama 10 Minit Di PNM

Program “Jom Baca Bersama 10 Minit” juga telah diadakan secara serentak di PNM yang bertempat di Aras 10, Menara PNM dengan penyertaan seramai 93 orang. Sambutan peringkat PNM telah dihadiri oleh kakitangan PNM dengan pelbagai pengisian aktiviti antaranya resensi buku dan persembahan puisi perpaduan yang disampaikan oleh kakitangan PNM.





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PUAN SITI NURSYAKIRAH ZURAIMI



PUAN SUHAIDA MOHAMAD



PUAN SITI NURUL AQILAH MASSARON



PUAN CHUHANA @ SUHANA AHMAD



PUAN WAN ANISAH WAN AHMAD

Tahniah
PETUGAS KAUNTER CEMERLANG PNM
Januari - Mac 2024



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](#)



[PNM_Rasmi](#)



[pnm_rasmi](#)



[pnmytube](#)



[PNMrasmi](#)



[pnm.saluranSosial2](#)



[pnm_rasmi](#)

Bual Bicara “Hari Buku Sedunia”

Hari Buku Sedunia merupakan insentif daripada UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) yang akan disambut setiap tahun pada 23 April diseluruh dunia bagi mengalakkan pembacaan, penerbitan dan hak cipta. Pelbagai aktiviti yang akan dilaksanakan diseluruh dunia.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit dan Program Bacaan Kegemaran Saya merupakan antara aktiviti yang akan dilaksanakan setiap tahun berdasarkan Sambutan Hari Buku Sedunia.

Oleh itu, YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dijemput untuk bual bicara di slot JENDELA FIKIRAN anjuran BERNAMA (Pertubuhan Berita Nasional Malaysia) berkenaan “Hari Buku Sedunia” pada 25 April 2024 (Khamis), 9.30 pagi. Beliau memberi penerangan dengan lebih jelas mengenai aktiviti yang dilaksanakan oleh PNM untuk memeriahkan sambutan ini seperti Program Jom Baca Bersama 10 Minit dan Program Bacaan Kegemaran Saya.



Bacaan Kegemaran Saya (BKS) di Sekolah Kebangsaan Klang Gate, Selangor



Program Bacaan Kegemaran Saya atau lebih dikenali dengan BKS telah mula dilaksanakan pada tahun 2000 sebagai projek perintis oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Setiap tahun PNM telah mengadakan program Bacaan Kegemaran Saya yang melibatkan pelbagai tokoh masyarakat, para profesional, pelajar, selebriti, pensyarah, pakar motivasi dan orang awam. BKS juga merupakan satu cara untuk menggalakkan orang ramai minat membaca dan berkongsi maklumat berkaitan kandungan yang menarik daripada buku atau bahan bacaan yang dibaca.



Program ini telah diadakan pada 30 April 2024 (Selasa) di Sekolah Kebangsaan Klang Gate dengan penyertaan seramai 100 orang pelajar. Program BKS pada kali ini menampilkan tokoh-tokoh guru dari tiga (3) buah sekolah yang berbeza. Antara tokoh tersebut ialah Puan Noor Sofiah binti Mohamed Ismail, Guru Besar dari Sekolah Kebangsaan Klang Gate, Puan Chong Suat Mooi, Guru Besar dari SJK(C) Kheow Bin dan Puan Saraswathy a/p Vallu, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SJK(T) Taman Melawati.




PESAN BONDA



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Dikejar angsa tepian jalan,
Laju berlari beramai-ramai,
Timbang rasa jadikan amalan,
Hidup harmoni aman dan damai.



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)



[PNM_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)



[pnm_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)



[pnmytube](https://www.youtube.com/pnmytube)



[PNMrasmi](https://www.telegram.com/PNMrasmi)



[pnmsaluransosial2](https://www.pnmsaluransosial2)



[pnm_rasmi](https://www.tiktok.com/pnm_rasmi)

**MALAYSIA
MADANI**

Kembara
PERPADUAN



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak,
50572 Kuala Lumpur, Malaysia



603 2687 1700



webmaster@pnm.gov.my



www.pnm.gov.my



PerpustakaanNegaraMalaysia



PNM_Rasmi



pnm_rasmi



pnmytube



PNMrasmi



pnmsaluransosial2



pnm_rasmi